

**DAP Tidak Akan Buat Pemilihan Semula Selagi ROS Tidak Beri Penjelasan - Guan Eng Bernama 5 Ogos, 2013**

GEORGE TOWN, 5 Ogos (Bernama) -- DAP tidak akan mengadakan pemilihan semula Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) selagi Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) tidak menjawab tuntutan parti itu yang mahukan penjelasan mengenai sebab-sebab parti itu perlu berbuat demikian.

Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng berkata partinya tidak akan mematuhi arahan ROS tanpa sebarang alasan munasabah.

"ROS ingat dia Raja kah? Tak payah beri sebab langsung dan membuat pengumuman dahulu sebelum menjawab surat," katanya kepada pemberita di George Town, Isnin.

Lim berkata DAP akan hanya menerima arahan itu jika ROS memberi alasan mengapa ia tidak berpuas hati dengan penjelasan parti berhubung perjalanan CEC pada 15 Dis lepas.

Pendaftar ROS Datuk Abdul Rahman Othman dalam satu kenyataan Ahad berkata DAP seharusnya mengutamakan pelaksanaan keputusan yang dibuat oleh ROS kerana itu keputusan terbaik dan mencerminkan permintaan akar umbi DAP.

Lim yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang mendakwa tindakan ROS mengarahkan DAP membuat pemilihan semula CEC adalah berunsur penganiayaan dan (sebagai) dendam politik.

"DAP akan terima arahan jika ROS jelaskan di bawah peruntukan undang-undang mana arahan pemilihan semula CEC itu dibuat," katanya.

Beliau berkata walaupun DAP mengakui terdapat kesilapan tetapi pemilihan CEC pada Disember lepas adalah bersih.

Lim berkata beliau akan memfailkan saman fitnah terhadap beberapa organisasi media tempatan yang dikatakan telah mengeluarkan laporan palsu terhadap DAP.

Pada 30 Julai lepas, ROS mengarahkan DAP mengadakan pemilihan semula CEC dan memaklumkan ia (ROS) tidak berpuas hati dengan penjelasan yang diberi oleh parti itu berhubung isu penyelewengan undi pada pemilihan CEC dan isu manipulasi undi membabitkan 547 perwakilan.

Di KUALA LUMPUR, Pengerusi DAP Karpal Singh menegaskan pendirian bahawa partinya tidak dapat menerima penjelasan diberikan ROS berhubung arahan bagi mengadakan semula pemilihan CEC itu.

Beliau mendakwa ROS tidak memberi penjelasan sewajarnya kepada DAP berkaitan ketetapan undang-undang termaktub dalam Akta Pertubuhan 1966 yang memberi kuasa kepada Abdul Rahman mengeluarkan arahan itu.

"ROS tidak mempunyai kuasa atau bidang kuasa untuk mengeluarkan arahan itu dan dengan itu DAP tidak dapat mematuhi arahan tersebut," katanya dalam satu kenyataan.

Karpal Singh berkata DAP tidak akan mematuhi arahan itu kerana parti tidak menerima sebarang arahan bertulis mengenai perkara itu daripada Abdul Rahman dan beliau sepatutnya memaklumkan secara rasmi secara bertulis kepada parti dan bukan membuat kenyataan awam.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=968412>